

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]
TARIKH : 11 JUN 2014
RUJUKAN : 6847

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberikan permit kerja khas kepada tenaga buruh daripada luar negara untuk bekerja di Labuan dalam industri dan sektor pekerjaan kritikal di mana sumber tenaga buruh tempatan tidak berminat untuk mengisi kekurangan yang ada seperti peruncitan, pelancongan, pembinaan dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan permit kerja khas kepada tenaga buruh daripada luar negara untuk bekerja di Labuan dalam industri dan sektor pekerjaan kritikal seperti peruncitan, pelancongan, pembinaan dan sebagainya.

Ini kerana pada masa ini Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing bagi lima sektor utama iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan juga pertanian bertujuan untuk membantu majikan di Labuan menjalankan operasi perniagaan. Bagi sektor perkhidmatan sebanyak lapan (8) sub sektor perkhidmatan iaitu Restoran (Tukang Masak), Pembersihan dan Pencucian, Pulau Peranginan, Spa, Refleksologi, Hotel, Kedi (Lelaki sahaja) dan Taman Tema (250 shj tertakluk kepada pengisian pekerja tempatan).

Bagaimanapun, keperluan pekerja asing bagi sektor kritikal di Labuan perlu disalurkan kepada Agensi Kawal Selia setiap sektor selaku agensi yang bertanggungjawab dalam memantau keperluan sebenar guna tenaga kerja termasuk pekerja asing di sektor masing-masing. Ini termasuklah sekiranya sektor kritikal tersebut adalah sektor beku dan sektor luar dasar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyemak semula kadar 5 peratus royalti minyak kepada negeri-negeri pengeluar;